

Buku Umrah DIY beri kefahaman kepada jemaah di Tanah Suci

Kas Mo 7/12/2023 M/S 38

SHAH ALAM – Bersandarkan pengalaman yang meluas dalam industri umrah dan haji, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (hal ehwal agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri telah melancarkan buku Umrah DIY, panduan ibadah mudah dan selamat kepada masyarakat.

Buku yang dihasilkan dengan kerjasama Pengarah Urusan Mursyid Alharamain Travel & Tours Sdn. Bhd., Muhammad Mursyid Abu Hassan itu telah berada di pasaran sejak bulan ini khusus buat mereka yang memilih untuk melaksanakan ibadah secara sendiri (DIY) tanpa mendapat bimbingan daripada ejen umrah dari Malaysia atau dari Mekah dan Madinah.

Zulkifli yang mengambil masa lebih daripada tiga bulan untuk mengumpul bahan bagi penghasilan buku berharga RM25 senaskhah itu menggunakan pendekatan menghimpunkan pelbagai soalan yang sering ditanya jemaah umrah DIY dan disediakan jawapan yang lengkap untuk pengetahuan pembaca.

“Kami hasilkan buku poket seperti ini bertujuan untuk memudahkan mereka yang merancang untuk melaksanakan ibadah umrah secara DIY terutama sekali buat mereka yang pertama kali menjejakkan kaki ke tanah



ZULKIFLI (kiri) pada bersama Muhammad Mursyid (tengah) pada majlis pelancaran buku Umrah DIY di Shah Alam baru-baru ini.

suci,” katanya pada majlis pelancaran buku tersebut di sini baru-baru ini.

Zulkifli yang pernah menjawat jawatan sebagai Mufti Wilayah Persekutuan itu berkata, umrah DIY kini menjadi trend dan berleluasa kerana jemaah mudah memperoleh segala ilmu, aktiviti dan ibadah yang dijalankan di media sosial.

“Mereka yang tidak cukup pengalaman menganggap melakukan umrah secara DIY dapat mengurangkan kos perbelanjaan tetapi apabila jemaah berdepan dengan masalah ketiadaan bilik hotel, kesakitan atau kecederaan yang dihadapi secara mengejut,

maka kemungkinan bajet anda akan secara tidak langsung meningkat berkali ganda.

“Adalah lebih baik, bagi mereka yang kali pertama mengerjakan umrah, digalakkan untuk mendapatkan perkhidmatan daripada mutawiff dan mutawiffah dari Malaysia atau dari Mekah atau Madinah,” jelas beliau.

Tambah Zulkifli, salah satu kekangan atau cabaran bagi mereka yang melaksanakan umrah secara DIY adalah jemaah sering kali keliru tentang rukun dan adab mengerjakan umrah kerana mereka tiada tempat untuk membuat rujukan dan bertanya soalan.

Rencana

Bangunkan Palestin menerusi Wakaf infrastruktur



MOHD. ASHROF ZAKI YAAKOB


SELARAH dunia sekali lagi dipahat dengan kehadapan entiti haram Yahudi Zionis menindas Palestin dengan kezaliman yang melampaui batas kemanusiaan. Negara-negara besar dunia pula masih membutuhkan mata dan memekakkan telinga daripada melihat kesengsaraan rakyat Palestin yang terus menerus ditindas dan dizalimi di hadapan mata.

Sejumlah 15,000 korban nyawa yang melayang masih belum mampu mengutus hati nurani kemanusiaan pemimpin-pemimpin dunia untuk menghalang kejahatan ini daripada terus berleluasa. 10,000 daripada mangsa yang terkorban ialah wanita dan kanak-kanak, namun tiada sekelumit rasa simpati wujud di dalam hati mereka.

Dengan kekuatan umat Islam yang mencecah 1.9 bilion dan merupakan agama kedua paling ramai penganut di dunia, pastinya tindakan bersama akan memberikan impak kepada Israel, sekutunya dan seluruh dunia.

Terkini, selepas lanjutan gencatan senjata berjaya menghentikan sementara pengeboman di Gaza, persoalan mula timbul mengenai nasib rakyat Palestin selepas dibenarkan pulang ke kediaman mereka. Dalam lebih 50 hari serangan berturutan, tentera Israel mengubah sebahagian besar landskap negara Palestin dengan seluruh kawasan perumahan bertukar menjadi runtuhan. Natiujahnya, kemusnahan lebih 500 bandar dan kampung di Palestin oleh tentera Israel hingga menyebabkan lebih 700,000 warga Palestin menjadi pelarian.

Umat Islam seluruh dunia perlu bersedia dan berusaha sedaya mungkin membantu membangunkan kembali Palestin seperti sediakala. Wakaf infrastruktur daripada



DENGAN kekuatan umat Islam yang mencecah 1.9 bilion dan merupakan agama kedua paling ramai penganut di dunia, pastinya tindakan yang bersifat solidariti bersama akan memberikan impak kepada Israel, sekutunya dan seluruh dunia.

seluruh negara Islam merupakan penyelesaian terbaik membantu kembali Palestin untuk bangkit semula.

Wakaf infrastruktur ialah suatu konsep pembangunan harta wakaf yang memfokuskan kepada pembinaan infrastruktur bagi memenuhi keperluan dan pembangunan masyarakat, semata-mata kerana Allah SWT. Sumber pembangunan wakaf infrastruktur boleh diperoleh sama ada secara konvensional iaitu melalui harta tak alih (al-'aqar) seperti tanah dan bangunan, ataupun melalui wakaf tunai yang ditukarkan menjadi harta tak alih yang bermanfaat dan wujud secara nyata. Dalam konteks pembangunan semula Palestin, dana sumbangan negara-negara Islam adalah sumber utama yang perlu difokuskan.

KEPERLUAN UTAMA

Asas wakaf infrastruktur adalah berdasarkan hadis sahih iaitu jawapan Rasulullah SAW kepada 'Umar al-Khattab RA apabila baginda ditanya tentang apa yang perlu dilakukan kepada

tanah milik 'Umar al-Khattab RA di Khaybar. Baginda SAW bersabda: "Tahamlah pokoknya dan bersedekahlah dengannya (iaitu manfaatnya)". Berdasarkan sabda Rasulullah SAW ini, para ulama menyatakan bahawa ia merupakan konsep asas kepada pelaksanaan ibadah wakaf iaitu, pertama, tahbis al-asl iaitu menahan pokok atau asas harta (daripada rosak atau musnah), dan kedua; tashbi al-thamarah iaitu menyalurkan buah atau manfaat harta kepada penerima wakaf.

Dalam pelaksanaan wakaf infrastruktur, ia perlu menepati konsep asas yang telah dinyatakan iaitu pemeliharaan pokok atau asas harta daripada rosak atau musnah, dan penyalurkan manfaat harta wakaf secara terus kepada penerima wakaf. Bagi memastikan konsep ini dapat dilaksanakan, pelaksanaan wakaf infrastruktur perlu dirancang dengan teliti dan mengambil kira semua aspek berkaitan iaitu, pertama, tahbis al-asl (pemeliharaan asas harta) iaitu pemilihan kaedah dan jenis pembangunan. Kaedah

pembangunan harta wakaf mestilah mengambil kira kriteria pematuhan syarat sepenuhnya (aqad dan proses) dalam pelaksanaan projek, manakala jenis pembangunan terbaik ialah pembangunan infrastruktur berdasarkan keutamaan semasa dan setempat, dengan kegunaan manfaat yang menyeluruh. Dalam konteks Palestin, analisis segera perlu dilaksanakan bagi menyenaraikan keperluan utama yang perlu disegerakan pembinaannya.

Seterusnya, mekanisme pengawalan harta daripada rosak atau musnah iaitu setiap projek pembangunan yang dijalankan perlu mengambil kira aspek pengawalan daripada kerosakan dan tingkat ketahanan agar manfaat dapat diperoleh untuk tempoh masa yang panjang. Segala risiko kerosakan dan kemusnahan dalam pembangunan harta wakaf perlu dinilai dan diambil kira semasa proses pelaksanaan pembangunan tersebut. Di Palestin, pastinya ada risiko kemusnahan semula harta yang diwakafkan namun ia tidak menjadi

persoalan utama kerana keperluan utama Masyarakat Islam perlu disegerakan. Kedua, tashbi al-thamarah (penyaluran manfaat harta) iaitu sasaran penerima manfaat. Penentuan sasaran penerima manfaat amat perlu dilakukan sebelum sesuatu projek pembangunan harta wakaf dijalankan. Sasaran penerima manfaat yang tepat akan memaksimumkan kegunaan sesuatu harta wakaf, mengelakkan pembaziran sumber dan meluaskan penyebaran manfaat kepada segenap lapisan masyarakat. Bagi pembangunan wakaf infrastruktur di Palestin, keutamaan perlu diberikan kepada keperluan wanita dan kanak-kanak agar kebajikan mereka terbelas.

Seterusnya, jenis manfaat ditentukan berdasarkan sasaran penerima manfaat. Ia juga akan mempengaruhi jenis pembangunan yang dipilih dalam membangunkan sebuah harta wakaf. Bagi pembangunan wakaf infrastruktur, secara asasnya terdapat empat bidang pembangunan yang perlu diutamakan iaitu:

Pertama, keagamaan seperti masjid, tanah perkuburan, pusat zakat, baitulmal dan sebagainya. Kedua, pendidikan seperti sekolah, institusi pengajian tinggi, perpustakaan dan sebagainya. Ketiga, kesihatan seperti klinik dan hospital, pusat dialisis, makmal sains dan keempatan, kemudahan sosial seperti taman rekreasi dan pernahan, pusat sukan, pusat sehati awam (one stop centre), pusat kebudayaan, balai raya, dewan orang ramai dan sebagainya. Dalam konteks pembangunan semula Palestin, keperluan utama ialah pada penginapan dan tempat tinggal yang telah musnah semuanya, maka keutamaan boleh diberikan kepada pembinaan semula rumah-rumah penduduk yang terjejas akibat peperangan ini.

PROFESOR MADYA DR. MOHD. ASHROF ZAKI YAAKOB ialah Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah & Wakaf, Universiti Teknologi Mara (UITM).